

'Jangan taasub bahasa Inggeris hingga pinggir bahasa Melayu'

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur pihak yang terlalu mengagungkan atau taasub terhadap penggunaan bahasa Inggeris sehingga meremehkan

bahasa Melayu.

Perdana Menteri berkata, terdapat kelompok yang terlalu ghairah atau obses terhadap penggunaan bahasa Inggeris sehingga mengabaikan bahasa Melayu dan menyifatkannya sebagai satu sikap yang keterlaluan.

Katanya, beliau tidak mewakili pendapat yang mahu mengurangkan kepentingan bahasa Inggeris tapi tidak mendukung sikap golongan yang mempunyai fobia terhadap bahasa sendiri dan mengagungkan

bahasa lain.

Menurut beliau, mereka seolah-olah menganggap kejayaan dan kepintaran masyarakat hanya dengan menguasai bahasa Inggeris.

“Saya ingatkan golongan elit yang terlalu taasub kepada ba-

hasa Inggeris bahawa mereka itu hidupnya di Malaysia, jadi mereka mesti mewakili hasrat dan aspirasi rakyat Malaysia keseluruhannya dalam memartabatkan bahasa Melayu.

Bersambung di muka 3

'Jangan taasub bahasa Inggeris hingga pinggir bahasa Melayu'

Dari muka 1

"Mereka ini adalah beberapa elit yang sudah tercabut dari akar tradisi bangsanya terhadap bahasa sendiri.

"Walaupun kita membicarakan soal bahasa lain tetapi jangan sampai mengurangkan keutamaan atau menyamakan bahasa Melayu kerana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara.

"Kadangkala saya fikir adalah aneh juga kerana kita sudah merdeka 67 tahun tapi masih harus diberi penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ini kerana sering kali muncul pandangan-pandangan terhadap bahasa Melayu yang saya lihat sudah hilang arah hilang dan hilang pedoman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024, di sini semalam.

Anwar berkata, pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam dasar pendidikan



ANWAR Ibrahim ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 di Ipoh, Perak, semalam. - UTUSAN/ MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

kebangsaan tidak dimungkirkan tetapi pelaksanaannya dalam masyarakat terutama sektor swasta perlu diberikan penekanan.

"Bagi swasta, saya antara yang menekankan penguasaan bahasa Inggeris dalam dunia mencabar dan penguasaan bahasa lain seperti bahasa Cina,

Tamil dan Arab namun tak ada negara yang meningkat naik yang akan menyisihkan bahasa utama mereka," katanya.

Berhubung penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah vernakular, beliau berkata, apa sekali pun jurusan persekolahan yang memberi penekanan terhadap ba-

hasa Mandarin dan bahasa Tamil, tidak perlu sama sekali dikurangkan penguasaan bahasa Melayu yang baik.

Sementara itu, Anwar menegaskan kerajaan tidak pernah membincangkan perkara berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan seperti yang didakwa pembangkang.

Tegas Perdana Menteri, malah ia tidak pernah dibincangkan atau disuarakan oleh mana-mana pemimpin dalam Kerajaan Madani.

Kata beliau, perkara berkaitan agama, bahasa, hak keistimewaan bumiputera dan kedudukan raja-raja yang terkandung dalam Perlembagaan negara tidak pernah menjadi pertikaian.

"Baru-baru ini seorang tokoh pembangkang mengatakan kerajaan ini akan meninggalkan landasan, menukar prinsip Perlembagaan Islam sebagai agama persekutuan.

"Ini khayalan apa? Ini adalah hal-hal yang hanya kemudian mengajak kita berbincang dan membawa kebencian berdasarkan pemalsuan fakta.